

SOALAN NO. 63

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]**

TARIKH : 24 MAC 2015 (SELASA)

SOALAN :

YB Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta PERDANA MENTERI menyatakan punca utama berlakunya bencana banjir besar pada akhir tahun 2014 terutamanya di negeri Kelantan.

JAWAPAN: **YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Menurut laporan awal Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS), antara punca berlakunya banjir sehingga menyebabkan kerosakan banyak rumah pada episod musim tengkujuh tahun 2014-2015 adalah seperti berikut:

- a) kejadian hujan lebat yang ekstrem, menyeluruh dan berterusan selama 10 hari (iaitu antara 15 Disember 2014 hingga 24 Disember 2014). Mengikut rekod pemantauan JPS, purata hujan tahunan bagi Negeri Kelantan adalah sekitar 3000mm. Walau bagaimanapun akibat fenomena perubahan iklim, sebanyak 30% (iaitu 944mm) dari jumlah hujan tahunan telah turun dalam tempoh 10 hari tersebut di Negeri Kelantan. Berdasarkan kepada pemantauan stesen telemetri JPS, kebanyakan aras air sungai di Negeri Kelantan telah meningkat melebihi tahap bahaya;
- b) kawasan tanah di kawasan tадahan telah menjadi tepu dan tidak mampu untuk menyerap air hujan yang turun secara berterusan. Air hujan yang turun kemudiannya telah menjadi air larian permukaan dan meningkatkan isipadu air banjir sedia ada;
- c) kerosakan zon penampungan (*buffer zon*) di kawasan hutan akibat aktiviti pembangunan secara terancang dan tidak terancang;

- d) kejadian air pasang besar (*spring tide*) yang berlaku pada tempoh yang sama. Aras air pasang yang tinggi telah menyebabkan pertembungan air banjir dengan air laut yang memburuk keadaan; dan
- e) topografi kawasan yang rendah dan landai serta berdekatan dengan sungai yang berarus deras menyebabkan kemusnahan kepada kediaman.

Sekian. Terima kasih.